

BUKAN PANDANGA PARTI — MAHATHIR

Oleh Mazlan Nordin

KUALA LUMPUR 13 Sept. — Pandangan yang disuarakan oleh Datuk Abdullah Ahmad, ahli Parli-
men kawasan Kok Lanis dalam satu
ucapannya di Singapura baru-baru ini
mengenai politik Malaysia “bukan
pandangan parti,” demikian dijelas-
kan oleh Perdana Menteri hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan ini
dalam satu interviu khas yang diminta oleh
Mingguan Malaysia berikutan reaksi, riak,
komen dan kontroversi dari ucapan itu di
Malaysia, termasuk di kalangan Barisan Na-
sional dan pembangkang, serta di Singapura.

Beliau telah ditanya mengenai ulasan sebuah
rencana pengarang akhbar Sunday Times Singapu-
ra yang berkata bahawa walaupun Datuk Abdul-
lah Ahmad tidak datang ke Singapura selaku wakil
UMNO atau Kerajaan Malaysia namun “pan-
dangan - pandangannya itu perlu diterima secara
serius kerana mencerminkan pandangan partinya
yang telah memerintah negara melalui satu barisan
antara kaum sejak merdeka.”

Akhbar itu berkata lagi, siaran penuh teks
ucapan Datuk Abdullah Ahmad itu dalam akhbar
- akhbar Malaysia yang terkemuka menjelaskan
lagi hakikat bahawa pandangannya itu selaras
dengan kenyataan - kenyataan yang telah dibuat
oleh pemimpin - pemimpin tertinggi UMNO sele-
pas pilihanraya baru lalu.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyangkal tanggap-
an akhbar tersebut. Menurutnya “isi kandungan
ucapan itu tidak diketahui oleh pemimpin - pe-
mimpin kanan parti.

Saya tidak kena-mengena dengan ucapan itu.
“Pandangan - pandangan yang disuarakan itu
bukan didorong oleh parti dan adalah pendapat
beliau sendiri,” beliau menambah.

Ini kali kedua Datuk Sri Dr. Mahathir meng-
ulas mengenai ucapan Datuk Abdullah Ahmad
itu.

Kali pertama ialah ketika beliau ditanya
mengenainya sekembali dari Sidang Negara - Ne-
gara Berkecuali di Harare, Zimbabwe pada hari
Isnin lalu.

Sejak itu komen mengenai ucapan tersebut
terus tersiar dalam akhbar - akhbar. Sementara itu
juga pihak - pihak luar, seperti akhbar Sunday
Times Singapura membuat tanggapan sendiri. In-
terviu khas dengan Datuk Sri Dr. Mahathir hari
ini diminta oleh MM bersabit dengan pelbagai
riak itu.

Datuk Abdullah Ahmad membuat ucapannya
dalam satu forum mengenai “Isu-Isu Dalam Poli-
tik Malaysia” anjuran Institute of International
Affairs Singapura. Beliau, antara lain, menyebut
tentang politik Malaysia berteraskan kekuasaan
Melayu.